



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU ERDOGAN, BUKAN PEJUANG ISLAM?

Pada 15 Julai 2016, Turki menjadi perhatian dunia apabila sebahagian tentera Republik Turki melancarkan percubaan Kudeta terhadap pemerintahnya, Presiden Recep Tayyip Erdoğan. Sejak itu, nama Erdoğan terus menjadi bualan dan mula menimbulkan pelbagai persoalan tentang apa sebenarnya yang berlaku di Turki. Slogan, *Biz Bir Ümmetiz!* Kita Satu Umat!, sinonim dengan Erdoğan yang menyeru supaya dunia Islam berfikir sebagai satu ummah. Dan itu menjadi kegeruan kepada Barat yang memperkenalkan idea negara bangsa.

Penulis bersama, Ahmad Azzam menulis buku ini hasil daripada pengalaman peribadi berinteraksi dengan kedua-dua tokoh, Recep Tayyip Erdoğan dan Fethullah Gülen yang mempunyai pengaruh besar dalam kepimpinan di Turki. Selain berkongsi perspektif dalam meneliti peribadi kedua-dua tokoh ini, beliau turut memberi pencerahan mengenai sejarah hubungan Barat dengan Islam selepas kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah pada tahun 1924. Ini sekali gus membawa pembaca memahami lebih tepat senario Kudeta serta permusuhan Barat terhadap Islam

Mungkin kita tidak merasa secara langsung kesan Kudeta yang berlaku di negara Malaysia. Namun, buku ini akan membuka mata dan hati tentang betapa besarnya peranan kita untuk ambil peduli dengan negara Islam dan kepimpinan Erdoğan sendiri. Persoalanya, jikalau benar Erdoğan seorang pejuang Islam, mengapa masih terjadinya Kudeta? Segalanya akan terjawab dalam buku terbaru terbitan PTS Publishing House ini. Antara tajuk-tajuk menarik yang dikupas adalah *Benarkah Kudeta Berlaku, ataupun Hanya Rekaan?, Mengapa Erdogan Hendak Dibunuh?, Adakah Benar Turki Sebuah Negara Islam, ataupun Boneka Barat?, dan Siapa Sebenarnya Erdogan?*

AMIRATUL AWATIF GHAZALI
Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.
H/P: 016-661 1974
E-mel: awatif@pts.com.my